KUALA LUMPUR SEBELUM MERDEKA

KUALA LUMPUR BEFORE INDEPENDENCE

Sejarah pembukaan Kuala Lumpur bermula pada pertengahan abad ke-19. Kuala Lumpur dikenali dengan pelbagai nama seperti Lumpor dan Qualla Lumpor serta dirujuk sebagai 'kawasan hulu'. Kuala Lumpur bermaksud 'kuala berlumpur'. Raja Abdullah bin Raja Jaffar (Orang Besar Daerah Klang, 1850-1867) menamakan tempat tersebut sebagai 'lumpur' kerana keadaan kawasan yang susah dilalui ekoran daripada air yang cetek dan tanah yang lembik disebut sebagai 'lumpur'. Akhirnya, tempat tersebut dikenali sebagai 'Kuala Lumpur'. Petempatan yang berdekatan dengan sungai seperti Kuala Lumpur kerana mempunyai sebuah sungai yang dikenali sebagai Sungai Lumpur yang kemudiannya ditukar nama menjadi Sungai Gombak pada abad ke-19. Kedudukan yang strategik di antara pertemuan dua sungai iaitu Sungai Klang dan Sungai Gombak mendorong pedagang-pedagang Melayu dan Cina untuk mewujudkan nukleus bandar yang kemudian menjadi Kuala Lumpur. Kuala Lumpur juga merupakan pusat Perang Klang yang memakan masa selama lebih kurang lapan tahun iaitu pada tahun 1866 hingga 1874 iaitu perselisihan faham di antara putera-putera Selangor ke atas keuntungan perlombongan bijih timah dan sejarah perseteruan di antara Yap Ah Loy (Kapitan Cina Mukim Kuala Lumpur, 1868-1879 dan Kapitan Cina Selangor, 1879-1885) dan Chong Chong yang mahu menjadi Kapitan Cina mukim Kuala Lumpur.

The history of the opening of Kuala Lumpur began in the mid-19th century. Kuala Lumpur was known by various names such as Lumpor and Qualla Lumpor and also referred to as the 'upstream area. Kuala Lumpur means 'muddy confluence' in Malay. Raja Abdullah bin Raja Jaffar (Orang Besar Daerah Klang, 1850-1867) named the place as 'lumpur' or 'muddy' due to the difficult terrain caused by shallow waters and soft soil which were referred to as 'lumpur'. In the end, the area came to be known as Kuala Lumpur. Settlements near rivers like Kuala Lumpur were named after the rivers. It was named Sungai Lumpur, which was later changed to Sungai Gombak in the 19th century. The strategic location at the confluence of the Gombak and Klang rivers encouraged Malay and Chinese traders to establish a nucleus that later became Kuala Lumpur. Kuala Lumpur was also the focal point for the Klang War, which spanned for eight years from 1866 to 1874 due to disagreements between the princes of Selangor over the tin mining profit and the historical enmity between Yap Ah Loy (the Chinese Kapitan of Kuala Lumpur, 1868-1879 and the Chinese Kapitan of Selangor, 1897-1885) and Chong Chong who aspired to be the Chinese Kapitan of Kuala Lumpur.



Kuala Lumpur 1897

KUALA LUMPUR SEBELUM MERDEKA

KUALA LUMPUR BEFORE INDEPENDENCE

Disebabkan Kuala Lumpur merupakan ibu negara Malaysia berkuat kuasa 1 Februari 1974, pelbagai tanda tanya dan pendapat dalam kalangan ahli sejarawan mengenai siapakah yang telah membuka entiti politik ini. Terdapat lima versi yang jelas mengenai tokoh yang telah membuka Kuala Lumpur. Menurut Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria dan Ahmad Farhan, versi pertama tokoh pembukaan Kuala Lumpur yang lebih tepat ialah Raja Abdullah yang merupakan adinda kepada Raja Jumaat bin Raja Jaffar (Orang Besar Daerah Lukut, 1846-1864), masing-masing daripada keluarga raja Johor tetapi memiliki darah kerabat raja Selangor melalui matrineal daripada Raja Penuh binti Sultan Salehuddin yang berkahwin dengan Raja Ali bin Daeng Kemboja (Yang di-Pertuan Muda Johor kelima, 1784-1805). Raja Abdullah merupakan Orang Besar Daerah Klang yang dikurniakan oleh Sultan Muhammad ibni Sultan Ibrahim (Sultan Selangor ketiga, 1826-1857) yang memiliki tanah tadbirnya merangkumi seluruh lembangan Sungai Klang dan Sungai Gombak yang dikenali daerah Klang dari 1850-1867. Ketika di bawah kuasa tadbir Raja Abdullah, mukim-mukim yang terdapat dalam daerah Klang ialah Klang, Damansara, Petaling, Kuala Lumpur, Batu, Gombak, Ulu Klang dan Ampang yang masing-masing memiliki seorang penghulu bagi membantu Orang Besar Daerah Klang melaksanakan tanggungjawabnya.

Due to Kuala Lumpur being declared as the capital of Malaysia effective on 1 February 1974, there have been many disputes and opinions among historians about who founded this political entity. There are five clear versions about the individual who responsible for the founding of Kuala Lumpur. According to Emeritus Professor Datuk Dr. Abdullah Zakaria and Ahmad Farhan, the founder who deserves the most consideration is Raja Abdullah, who was the younger brother of Raja Jumaat bin Raja Jaffar (Orang Besar Daerah Lukut, 1846-1864). Both belonging to the royal family of Johor but with ancestral ties to the Selangor royal family through the matrilineal line from Raja Penuh binti Sultan Salehuddin, who married Raja Ali bin Daeng Kemboja (The fifth Yang di-Pertuan Muda Johor, in 1784-1805). Raja Abdullah was the Orang Besar of the Klang District appointed by Sultan Muhammad ibni Sultan Ibrahim (the third Sultan of Selangor, 1826-1857) who owned the administrative land comprising the entire basin of Klang and Gombak rivers, known as the Klang district from 1850 to 1867. Under Raja Abdullah's administration, the sub-districts within the Klang district included Klang, Damansara, Petaling, Kuala Lumpur, Batu, Gombak, Ulu Klang and Ampang, each having a penghulu to assist the Orang Besar of the Klang district in carrying out his duties.



KUALA LUMPUR SEBELUM MERDEKA

KUALA LUMPUR BEFORE INDEPENDENCE

Pada pertengahan abad ke-19 iaitu tahun 1857, Raja Abdullah bersama 87 tenaga buruh lombong dari Lukut telah berlayar di Sungai Klang dan telah sampai ke satu pertemuan Sungai Gombak dan Sungai Klang. Mereka telah mendarat di suatu tempat yang dikenali sebagai benteng dan telah membelanjakan wang yang begitu banyak untuk membiayai lombong-lombong yang terdapat dalam daerah Klang khususnya di sekitar lembangan Hulu Sungai Klang seperti mukim Petaling, Ulu Klang dan Ampang. Manakala mukim Kuala Lumpur pula, kawasan ini ditadbir oleh seorang penghulu bernama Dato' Yaseh bergelar Dato' Bandar dilantik oleh Raja Abdullah sebagai tempat penyelenggaraan bijih timah yang dikumpul dari mukim Petaling, Ulu Klang dan Ampang untuk dibawa ke Pengkalan Batu, mukim Klang dan seterusnya diperdagangkan ke Melaka. Penglibatan Raja Abdullah menyebabkan mukim Kuala Lumpur dan mukim-mukim sekitarnya seperti Damansara, Petaling, Ulu Klang dan Ampang terkenal dengan perlombongan bijih timah dan meningkatkan populasi manusia dari Tanah Melayu, Sumatera dan Tanah Besar China berhijrah ke tempat-tempat tersebut yang perlu mendapatkan kebenaran daripada penghulu masing-masing. Disebabkan kejayaan Raja Abdullah yang memperkenalkan mukim Kuala Lumpur termasuk mukim-mukim lain seperti Damansara, Petaling, Ampang dan Ulu Klang yang mengusahakan perlombongan bijih timah dan meningkatkan hasil ekonomi dan populasi manusia, beliau layak diiktiraf sebagai pengasas Kuala Lumpur yang sebelum ini tidak terkenal dan serba kekurangan dari segi ekonomi dan populasi kepada menjadi terkenal dan meningkatkan hasil ekonomi dan populasi dari 1857 hingga kini. Manakala mukim Batu dan Gombak pula, lebih kepada hasil pertanian seperti penanaman padi, buah-buahan dan sayur-sayuran.

In the mid-19th century, around 1857, Raja Abdullah, accompanied by 87 tin miners from Lukut sailed up the Klang River and reached the confluence of the Gombak and Klang rivers. They landed on an embankment (benteng) and spent a significant amount of money to finance the mines in the Klang district, particularly in the upper Klang River basin areas such as the sub-districts of Petaling, Ulu Klang and Ampang. Meanwhile, the Kuala Lumpur sub-district governed by a penghulu named Dato' Yasseh, who was appointed Dato' Bandar by Raja Abdullah, served as the hub for tin ore mining operations. The tin ores were collected from the sub-districts of Petaling, Hulu Klang and Ampang to be transported to Pengkalan Batu in the Klang district and then traded in Malacca. The involvement of Raja Abdullah led to Kuala Lumpur and its surrounding sub-districts such as Damansara, Petaling, Ampang and Ulu Klang becoming renowned for tin mining, attracting populations from the Malay Peninsula, Sumatera and mainland China to migrate to these areas, requiring permission from the village heads. Due to the success of Raja Abdullah developing Kuala Lumpur and the other sub-districts like Damansara, Petaling, Ampang and Ulu Klang through tin mining, he rightfully deserves the recognition as the founder of Kuala Lumpur. These areas were previously obscure and lacking in economic activity and population, transformed into renowned centres with thriving economies and growing population from 1857 until present. Indirectly, the mass migration had also increased the wealth of sub-districts of Batu and Gombak as these places were rich with produce favoured by the new population of settlers. In contrast, the sub-districts of Batu and Gombak were primarily dedicated to agricultural activities, including the cultivation of paddy, fruits and vegetables.



KUALA LUMPUR SEBELUM MERDEKA

KUALA LUMPUR BEFORE INDEPENDENCE

Versi kedua pula, S.M. Middlebrook menyatakan bahawa Ah Loy yang membuka Kuala Lumpur. Namun begitu, pendapat ini bersifat rapuh. Buktinya, Hew Siew merupakan Kapitan Cina Mukim Kuala Lumpur pertama yang dilantik oleh Raja Abdullah pada 1861 kerana pada ketika itu bilangan tenaga buruh lombong telah berlipat kali ganda ramainya dan memerlukan seorang ketua yang bergelar kapitan untuk mengawal segala tindakan komuniti tersebut. Kemudian, Raja Abdullah melantik Liu Ngim Kong sebagai Kapitan Cina Mukim Kuala Lumpur kedua bagi menggantikan Siew yang meninggal dunia pada 1862. Kemudian, Raja Abdullah melantik Ah Loy sebagai Kapitan Cina Mukim Kuala Lumpur ketiga bagi menggantikan Ngim Kong yang meninggal dunia pada 1868. Oleh itu, secara logiknya bukanlah Ah Loy sebagai pembuka Kuala Lumpur kerana beliau ialah kapitan Cina ketiga di Kuala Lumpur yang menjalankan tugasnya dari 1868 hingga meninggal dunia pada 1885. Manakala Raja Abdullah pula telah membuka mukim Kuala Lumpur pada 1857 dan melantik Dato' Yaseh sebagai Penghulu Mukim Kuala Lumpur pertama pada tahun sama bagi menguruskan dan mentadbir mukim tersebut. Seterusnya, Raja Abdullah membuka mukim Ampang dan melantik Dato' Johan (nama tubuh tidak diketahui) sebagai Penghulu Mukim Ampang pada 1857 bagi menguruskan dan mentadbirkan mukim tersebut yang memiliki hasil galian bijih timah yang menggalakkan.

The second version, proposed by S. M. Middlebrook, stated that Ah Loy was the one who founded Kuala Lumpur. However, this version is considered tenuous. Evidence indicates that Hew Siew was appointed the first Chinese Kapitan in Kuala Lumpur by Raja Abdullah in 1861. The decision was made due to the significant increase in the number of mine workers at that time, necessitating a leader, known as a Kapitan to manage the community's affair. After the death of Kapitan Hew Siew, Raja Abdullah appointed Kapitan Liu Ngim Kong as the second Kapitan Cina of Kuala Lumpur in 1862. Then, Raja Abdullah appointed Ah Loy as the third Chinese Kapitan of Kuala Lumpur, succeeding Ngim Hong who passed away in 1968. Therefore, logically it is not Kapitan Yap Ah Loy who opened Kuala Lumpur because he was the third Chinese Kapitan in Kuala Lumpur from 1868 until his passing in 1885. Meanwhile, Raja Abdullah opened the Kuala Lumpur district in 1857 and appointed Dato' Yaseh as the first village head for the district in the same year to oversee its administration. Raja Abdullah then opened the Ampang district and appointed Dato' Johan (full name unknown) as the Penghulu of the Ampang district in 1857 to manage and administer the district, which was known for its lucrative tin mining activities.



KUALA LUMPUR SEBELUM MERDEKA

KUALA LUMPUR BEFORE INDEPENDENCE

Versi ketiga pula iaitu kajian terbaharu daripada Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay pada tahun 2017, beliau menyatakan bahawa pengasas Kuala Lumpur yang sebenar ialah Sutan Puasa atau Sutan Naposo bin Raja Ira Koling berketurunan Mandailing dan menganut agama Islam. Buku yang dikarang oleh Abdur Razzaq Lubis yang bertajuk 'Sutan Puasa Founder of Kuala Lumpur' telah mendedahkan maklumat baharu mengenai sejarah Kuala Lumpur. Kajian ini juga turut diakui oleh Profesor Emeritus Penyelidikan dan Geografi Asia dari University of Inggeris Columbia di Vancouver, Kanada, Terry McGee. Menurut Abdur Razzaq Lubis, sebelum aktiviti perlombongan bijih timah dijalankan di Kuala Lumpur, orang-orang Mandailing telah membina penempatan awal di sekitar Sungai Gombak dan Sungai Klang dan kemudian berpindah ke Pahang yang mempunyai sumber rezeki yang lebih berpatutan berbanding Kuala Lumpur. Satu penemuan sebuah terowong rahsia sepanjang 10 meter yang dipercayai berusia ratusan tahun di Bukit Nanas, Kuala Lumpur pada Januari 2015 bermula dari Bukit Nanas hingga tebing Sungai Klang. Ini membuktikan bahawa masyarakat Mandailing telah bertapak di ibu negara. Terowong itu dipercayai digunakan penduduk Mandailing dari Sumatera sebagai laluan bagi mengundurkan diri ketika Perang Klang yang berlaku pada 1866-1874. Pada pertengahan abad ke-19 juga, pertanian dan perdagangan turut dijalankan di kawasan penempatan tersebut namun bersifat kecil.

The third argument was proposed by Emeritus Professor Tan Sri Dr. Khoo Kay in 2017, who asserted that the actual person who founded Kuala Lumpur was Sultan Puasa, also known as Sultan Naposo bin Raja Ira Koling of Mandailing descent and practised Islam. . The book authored by Abdur Razzaq Lubis, titled "Sutan Puasa Founder of Kuala Lumpur" has revealed new information about the history of Kuala Lumpur. This research has also been acknowledged by Terry McGee, an Emeritus Professor in Research and Asian Geography from the British Columbia University in Vancouver.. According to Abdur Razzaq, the Mandailing people had established early settlements along the Gombak and Klang rivers before relocating to Pahang which offered more sustainable sources of livelihood compared to Kuala Lumpur. A discovery of a secret tunnel, believed to be hundreds of years old, was discovered in Bukit Nanas, Kuala Lumpur in January 2015, extending from Bukit Nanas to the banks of the Klang River. This proves that the Mandailing community had a presence in the capital city. The tunnel is believed to have served as an escape route for the Mandailings from Sumatera during the Klang War of 1866-1874. In the mid-19th century, agriculture and trade were also conducted in the area, but on a small scale. .



KUALA LUMPUR SEBELUM MERDEKA

KUALA LUMPUR BEFORE INDEPENDENCE

Versi keempat pula, Ahmad Farhan berpendapat bahawa Dato' Ungku Klang telah menetap dan menghuni di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak pertengahan abad ke-16. Namun, Ahmad Farhan tidak cenderung bahawa Dato' Ungku Klang sebagai pengasas Kuala Lumpur kerana tidak berjaya memperkenalkan entiti tersebut seperti yang dilaksanakan oleh Raja Abdullah yang meningkatkan populasi dan ekonomi di mukim Kuala Lumpur pada pertengahan abad ke-19 tetapi lebih cenderung kepada penghuni terawal di wilayah tersebut. Dato' Pinang Tunggal merupakan Dato' Ungku Klang pertama yang dikurniakan oleh ayahandanya, Sultan Muzaffar Syah ibni Sultan Alauddin Riayat Syah (Sultan Johor kedua, 1564-1570) sekitar pertengahan abad ke-16 sebagai Pembesar Jajahan Klang. Persempadanan jajahan Klang ketika itu adalah antara Perak melalui Sungai Selangor, antara Pahang melalui Genting Bidai, antara Jelebu melalui Genting Rimpun dan antara Sungai Ujong melalui Bukit Sepam, Bukit Permatang Pasir dan Sungai Udang. Pusat Dato' Pinang Tunggal dan keturunannya adalah di Jalan Klang Lama, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan Sungai Besi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada konteks kini. Ketika pentadbiran Kesultanan Selangor pada 1766, Dato' Naga Mengulur (Dato' Ungku Klang terakhir) diiktiraf sebagai kerabat Orang Besar Selangor melalui pelantikan jawatan Dato' Ungku yang ditugaskan sebagai Penghulu Mukim Petaling. Keturunan Dato' Naga Mengulur dilantik sebagai Penghulu Mukim Petaling sehingga British menukarkan jawatan tersebut kepada tokoh lain pada 1874.

In the fourth version, Ahmad Farhan suggests that Dato' Ungku Klang had settled and lived in the Federal Territory of Kuala Lumpur since the mid-16th century. However, Ahmad Farhan does not lean towards Dato' Ungku Klang as the founder of Kuala Lumpur because he did not successfully establish the entity as Raja Abdullah did. Raja Abdullah's efforts contributed to the growth of population and economy in Kuala Lumpur district in the mid-19th century. Instead, Ahmad Farhan views Dato' Ungku Klang as one of the earliest inhabitants in the area. Dato' Pinang Tunggal was the first Dato' Ungku Klang appointed by his father, Sultan Muzaffar Syah ibni Sultan Alauddin Riayat Syah(the second Sultan of Johor 1564-1570) around the mid-16th century as the Pembesar Jajahan Klang. The boundaries of the Klang district at that time were with perak through Selangor River with Pahang through Genting Bidai, with Jelebu through Genting Rimpun and with Ujong River through Bukit Sepam, Bukit Permatang Pasir and Udang River. The centre for Dato' Pinang Tunggal and his descendants is located at the Jalan Klang Lama and Sungai Besi in the present context. During the administration of the Selangor Sultanate in 1766, Dato' Naga Mengulur (the last Dato' Ungku Klang) was recognized as a distinguished family member of the Orang Besar Selangor through his appointment as the Penghulu of the Petaling district. The descendants of Dato's Naga Mengulur were appointed as the Penghulu of the Petaling district until the British replaced the position with another figure in 1874.




KUALA LUMPUR SEBELUM MERDEKA

KUALA LUMPUR BEFORE INDEPENDENCE

Versi kelima pula, menurut kajian baharu dihasilkan oleh Ahmad Farhan, beliau berpendapat bahawa terdapat seorang tokoh berjawatan penghulu yang dikurniakan oleh Sultan Salehuddin ibni Daeng Chelak (Sultan Selangor pertama, 1766-1782) menetap dan menghuni di sekitar lembangan Sungai Lumpur atau kini dikenali Sungai Gombak. Tokoh tersebut ialah Dato' Penggawa (nama tubuh tidak diketahui) yang merupakan Waris Negeri Selangor dikurniakan oleh Sultan Salehuddin sebagai Penghulu Mukim Lumpur. Namun, Ahmad Farhan tidak cenderung bahawa Dato' Penggawa sebagai pengasas Kuala Lumpur kerana tidak berjaya memperkenalkan entiti tersebut seperti dilaksanakan oleh Raja Abdullah tetapi lebih cenderung kepada penghuni atau peneroka terawal yang membuka mukim Lumpur. Dato' Penggawa mentadbir mukim Lumpur yang meliputi seluruh lembangan Sungai Lumpur dan Sungai Batu. Ketika Dato' Penggawa hendak meninggal dunia yang berlaku pada pentadbiran Sultan Ibrahim ibni Sultan Salehuddin (Sultan Selangor kedua, 1782-1826), beliau mewasiatkan bahawa memecahkan sungai-sungai tersebut kepada dua bahagian untuk diserahkan kepada dua anak lelakinya. Pertama, Dato' Penggawa melantik Dato' Pinang Baik (nama tubuh tidak diketahui), anak pertama, sebagai Penghulu Mukim Batu bergelar Dato' Menteri. Kedua, Dato' Penggawa melantik Dato' Suleiman, anak kedua, sebagai Penghulu Mukim Gombak bergelar Dato' Kaya. Disebabkan pembahagian kuasa tersebut, mukim Lumpur yang sebelum ini merangkumi seluruh lembangan Sungai Lumpur dan Sungai Batu dipecahkan kepada dua bahagian iaitu Sungai Batu kepada Dato' Pinang Baik dan Sungai Lumpur kepada Dato' Suleiman. Nama Lumpur telah diubah suai kepada Gombak setelah Dato' Suleiman menerajui tampuk pimpinan sebagai Penghulu Mukim Gombak. Kemudian, nama Gombak diubah suai kepada Setapak setelah Dato' Lela Ishak dilantik sebagai Penghulu Mukim Setapak ketika pentadbiran British pada 1874.

In the fifth version based on a recent study by Ahmad Farhan, he suggests that there was a leader with the title of Penghulu appointed by Sultan Salehuddin ibni Daeng Chelak (the first Sultan of Selangor 1766-1782) who lived and settled around the basin of the Lumpur River, now known as the Gombak River. The figure was Dato' Penggawa (real name unknown) who was the Selangor State Heir appointed by Sultan Salehuddin as the Penghulu of the Lumpur district. However, Ahmad Farhan does not lean towards Dato' Penggawa as the founder of Kuala Lumpur because he did not establish the entity as Raja Abdullah did. Instead he should only be considered as one of the first settlers or pioneers of Kuala Lumpur. Dato' Penggawa administered the Lumpur district which encompassed the Lumpur River) and Batu River. As Dato' Penggawa was nearly to the end of his life during the reign of Sultan Ibrahim ibni Sultan Salehuddin (the second Sultan of Selangor, 1782-1826), he bequeathed that the rivers be divided into two areas to be handed over to his two sons to rule. The first son, Dato' Pinang Baik (whose real name is unknown) was appointed the Penghulu of Batu district with the title Dato' Menteri. The second son, Dato' Suleiman was appointed the Penghulu of the Gombak district with the title Dato' Kaya. Due to the divided administrative rule, the Lumpur district which previously encompassed the entire basin of the Lumpur River and Batu River was divided into two parts, Batu River was allocated to Dato' Pinang Tunggal while Batu River was given to Dato' Suleiman. The name Lumpur was changed to Gombak when Dato Suleiman took over as the leader of the Gombak district. Subsequently, the name Gombak was changed to Setapak after Dato' Lela Ishak was appointed as the Penghulu of the Setapak district during British administration in 1874.



SHAH ALAM SEBAGAI IBU NEGERI SELANGOR


SHAH ALAM AS THE STATE CAPITAL OF SELANGOR

Cadangan memindahkan ibu negeri Selangor dari Kuala Lumpur telah dibuat oleh kerajaan pusat sejak tahun 1956. Tempat yang dipilih untuk ibu negeri itu ialah Klang. Keputusan terhadap cadangan ini telah diambil dengan harapan menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah ibu negara sebenarnya bagi Persekutuan Tanah Melayu (1948-1963) yang merdeka. Kerajaan Negeri Selangor yang ada pada ketika itu bersetuju dengan cadangan tersebut pada dasarnya dengan syarat semua perbelanjaan perpindahan ditanggung oleh kerajaan pusat. Sambil mempersetujui kehendak-kehendak kerajaan negeri itu, kerajaan pusat telah mengenakan syarat yang spesifik pula iaitu sebelum sebarang perbelanjaan kerajaan pusat boleh dikenakan, kerajaan negeri hendaklah bersetuju pada dasarnya bahawa bangunan-bangunan yang dikosongkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di Kuala Lumpur apabila perpindahan itu dijalankan dan bangunan-bangunan yang diduduki oleh kerajaan pusat di dalam Kuala Lumpur berserta dengan tapak tanahnya sekali akan terletak di bawah kuasa kerajaan pusat. Walau bagaimanapun persetujuan ini tidak termasuk hak menjual tanah tapak mana-mana bangunan dan juga menggunakan tanah serta bangunan-bangunan itu untuk maksud selain dari bangunan-bangunan awam.

The proposal to move the state capital of Selangor from Kuala Lumpur was already in the plan by the central government since 1956. Originally, the new state capital was proposed to be Klang. This decision was taken with the hope of Kuala Lumpur becoming the capital city of the independent Federation of Malaya (1948-1963). The then State Government of Selangor agreed to the proposal with the principle condition that all relocation expenses would be borne by the central state government. While in agreement with the demands of the state government, the central state government imposed a specific condition before any central government expenditure can be imposed, the state government must agree in principle that the buildings vacated by the Selangor State Government in Kuala Lumpur upon relocation and the buildings occupied by the central state government within Kuala Lumpur, together with the land will be under the authority of the central state government. However, this agreement does not include the rights to sell the land on which any building stood and to use the land and buildings for purposes other than as public buildings.

Dalam tahun 1962, Kerajaan Negeri Selangor mengemukakan cadangan menjadikan Petaling Jaya sebagai ibu negeri yang baharu menggantikan Klang seperti cadangan awal. Kerajaan pusat tidak bersetuju dengan cadangan tersebut kerana kawasan ini tidak akan mencerminkan identiti dan kemegahan sebagai sebuah ibu negeri dan juga kerana ada kemungkinan sempadan ibu negara akan diperluas sehingga ke Petaling Jaya. Setahun kemudian, kerajaan pusat telah diberitahu dengan rasminya bahawa Kerajaan Negeri Selangor menetapkan untuk membuka sebuah bandar baharu di Sungai Renggam (kemudian diberi nama Shah Alam) dengan harapan untuk menjadikannya sebagai ibu negeri Selangor kelak.

In 1962, the Selangor State Government had proposed making Petaling Jaya the new state capital to replace the originally proposed Klang. The central state government did not agree with the proposal as it would not reflect the identity and the grandeur of being a state capital and additionally, this disagreement was also due to the possibility that the borders of the capital would expand to include Petaling Jaya. A year later, the central state government was officially informed that the Selangor State Government had decided to establish a new town in Sungai Renggam (here in after referred as Shah Alam) with the hope of making it the permanent state capital of Selangor.



SHAH ALAM SEBAGAI IBU NEGERI SELANGOR

SHAH ALAM AS THE STATE CAPITAL OF SELANGOR

Sungai Renggam ini dipilih berdasarkan kepada sokongan (recommendation) yang dibuat oleh V. Antolic iaitu Penasihat Perancang Bandar Bangsa-Bangsa Bersatu. Kedudukannya adalah sangat sesuai untuk mendirikan sebuah bandar perusahaan satelit yang baharu kerana tempat letaknya dari segi geografi adalah di antara pertengahan jalan antara Kuala Lumpur dan Pelabuhan Klang. Kemudahan jalan kereta api sedia ada yang berhampiran akan menambahkan kemudahan perhubungan bagi perusahaan-perusahaan di situ kelak. Bentuk fisikalnya yang berbukit-bukau lebih sesuai kerana ianya boleh disalurkan dan tidak mungkin ditenggelami air.

Cadangan awal untuk menjadikan Klang sebagai ibu negeri Selangor didapati tidak sesuai kerana beberapa sebab. Antaranya adalah kerana tempat ini terdapat di dalam sokongan (recommendation) yang dibuat oleh G.H. Franklin iaitu Penasihat Perancang Bandar dan Kampung, Persekutuan Tanah Melayu untuk dijadikan kawasan pembangunan perusahaan. Penempatan ibu negeri di Klang juga akan melibatkan pembangunan semula bandar Klang yang telah lama itu. Hal ini akan memakan belanja yang lebih tinggi serta sukar berbanding dengan membangunkan sebuah bandar baharu secara keseluruhannya, apatah lagi sebahagian daripada tanah di Klang adalah berkemungkinan ditenggelami air kerana kebanyakannya terletak di bawah paras air pasang.



Sungai Renggam was chosen based on recommendations given by V. Antolic, who was the acting United Nation Urban Planning Advisor. Its location was ideal for establishing a new satellite city due to its geographical location that was halfway between Kuala Lumpur and Port Klang. The existing railway facilities would also provide transportation convenience for future business ventures. Its hilly terrain is more suitable, as excessive water can be channelled thus avoiding flood.

The earlier proposal of making Klang the state capital of Selangor was thought to be unsuitable due to several factors. One of them is due to the advice given by G.H. Franklin who was the acting Town and Village Planning Advisor for the Federation of Malaya (Penasihat Perancangan Bandar dan Kampung, Persekutuan Tanah Melayu) for it to be a site for industrial development. The relocation of the state capital to Klang would have been costly as it would require the redevelopment of the existing city of Klang, which would be more difficult in comparison to create an entirely new city. Additionally, there were concerns that some parts of the land in Klang would be flooded due to it being below high tide level.